

# Aplikasi Mendeley

## Perisian percepatkan penulisan tesis dan karya ilmiah

**P**ELAJAR pascasiswazah peringkat sarjana mahupun kedoktoran kini boleh menjimatkan masa dengan penulisan tesis secara lebih efisien menggunakan aplikasi MENDELEY, satu aplikasi rujukan yang boleh dimuat turun secara percuma.

Walaupun dikatakan tiada jalan singkat untuk menulis bahan ilmiah seperti tesis, namun dengan penggunaan aplikasi MENDELEY, pencarian bahan rujukan ilmiah khususnya artikel jurnal boleh dilakukan dengan cepat dan menjimatkan masa.

Pensyarah Kanan Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, Dr. Othman Talib berkata, aplikasi MENDELEY memudahkan pencarian bahan ilmiah kerana keupayaan fungsi "*Literature Search*" nya.

Katanya, pencarian bahan ilmiah boleh dilakukan secara selektif menggunakan kata kunci, tahun penerbitan, pengarang, nama penerbitan, tajuk, akses terbuka atau digabungkan kesemuanya menggunakan operator Boolean "*AND*", "*OR*" dan "*NOT*".

Melalui pencarian ini, pelajar boleh memilih hanya bahan ilmiah yang relevan seperti buku, dokumen bercetak, artikel jurnal bagi menghasilkan penulisan ilmiah yang bermutu.

dan relevan sahaja,"katanya ketika ditemui disini hari ini.

Beliau yang merupakan wakil rasmi Mendeley di Malaysia yang diiktiraf kini telah menjelajah ke seluruh Malaysia sejak empat tahun lalu untuk memperkenalkan aplikasi itu di institusi pengajian tinggi seluruh negara.

Selain itu, Dr. Othman Talib yang lebih dikenali sebagai Dr. OT, turut memperkenalkan teknik penulisan cepat tesis seperti "*One File for One Thesis (OFOT)*", "*Zero Draft Of Thesis (ZDOT)*", "*Research Operational Template (ROT)*", "*Keep on Track (KOT)*" yang menggabungkan aplikasi MENDELEY bersama penggunaan pelbagai fungsi *Microsoft Word* secara efisien.

Othman juga turut memperkenalkan

teknik "*Filter Base on Theme (FBOT)*" dengan mengoptimumkan aplikasi Mendeley sebagai perisian yang berupaya mengorganisasi ratusan bahan ilmiah bagi memudahkan pembacaan dan rujukan secara sistematik.

"Inilah kelebihan aplikasi Mendeley yang bukan sahaja percuma, tetapi mudah digunakan malah serasi pula dengan perisian *Microsoft Word* dan perisian penyimpanan data seperti *Dropbox*," katanya.

Othman juga adalah penulis buku Mendeley, satu-satunya buku Mendeley di Malaysia bagi menerangkan dengan lebih terperinci berkaitan teknik penulisan tesis yang efisien dan tepat menggunakan aplikasi Mendeley.

Beliau juga adalah blogger yang aktif sehingga blog beliau [www.drotspss.blogspot.com](http://www.drotspss.blogspot.com) telah dikunjungi lebih 1 juta kali dengan pengikut melebihi dua ribu orang.

"Di dalam blog tersebut, saya telah menulis segala aspek berkaitan kaedah

penyelidikan, statistik, penyeliaan, penulisan tesis dan proposal untuk bacaan umum dan pelajar yang terlibat dengan penyelidikan.

"Blog ini diolah dengan bahasa yang mudah agar dapat difahami oleh pembaca dari pelbagai latar belakang supaya boleh membantu mereka memberi nilai tambah kepada penulisan tesis mereka,"katanya.

Selain itu, beliau juga turut mendapat pelawaan dari persatuan pelajar di beberapa buah universiti di luar negara seperti di Australia, England, Indonesia dan Jepun untuk memberikan penerangan teknik penulisan tesis cepat dan efisien dengan aplikasi Mendeley.

Sejak tahun 2012, beliau telah menulis tujuh buku iaitu *Tulis Tesis Cepat*, *Mendeley*, *Atlas.ti*, *Inilah Supervisoriku*, *Research and Thesis - If Only I Had Known*, *Zero Draft of Thesis dan Asas Penyelidikan*, *Penulisan Tesis dan Statistik*" yang telah mendapat sambutan diluar jangkauan yang boleh didapati di [www.tulis-tesis-cepat.com](http://www.tulis-tesis-cepat.com).

“Pelajar juga tidak perlu menulis petikan dan rujukan (bibliografi) yang perlu dimasukkan dalam penulisan kerana Mendeley akan melakukannya secara automatik, disamping membantu pelajar mengambil hanya isi yang tepat

**DR. Othman Talib**  
bersama dengan buku  
hasil karya beliau  
berjudul **Mendeley**  
di Universiti Putra  
Malaysia baru-baru ini.

